

06/08/1999

Tindakan SC mengikut undang-undang

SINTOK, Khamis - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan bahawa tindakan Suruhanjaya Sekuriti (SC) terhadap beberapa tokoh korporat adalah mengikut undang-undang dan tidak mempunyai unsur tindakan berpilih.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan bahawa semua tindakan adalah mengikut peruntukan undang-undang dan mereka yang dikenakan tindakan boleh mempertahankan diri masing-masing.

Katanya, ia juga tiada kaitan dengan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim seperti didakwa sesetengah pihak dan SC mempunyai bukti untuk mengambil tindakan.

"Apa yang kita lakukan adalah mengikut dasar ditetapkan dan apa-apa tindakan setakat ini yang dikatakan seolah-olah antikumpulan Anwar Ibrahim, tidak betul.

"Tindakan yang diambil mesti ada berkait dengan undang-undang. Siapa yang melanggar undang-undang mesti didakwa di mahkamah.

"Maka dia kenalah memberi apa jua alasan untuk mempertahankan diri. Bukan kita buat sesuatu kerana dia kawan Anwar.

"Jadi adalah suatu andaian yang tidak kena langsung mengatakan kita mengambil tindakan kerana mereka kawan Anwar. Ini juga tiada kaitan dengan kaum," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Ekspo Konvokesyen Universiti Utara Malaysia (UUM) ke-12, hari ini.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan tindakan itu bertujuan mengetepikan mereka yang rapat dengan Anwar.

Perdana Menteri berkata, SC bertindak bebas dan tidak pernah merujuk kepadanya mengenai sebarang siasatan yang dilakukan.

(END)